



## **SIARAN MEDIA**

### **HARUMANIS PERLIS KEMBALI LAGI DAN JUALAN DALAM TALIAN**

Beseri (PERLIS), 11 April 2021 – Penjualan dan pemasaran mangga Harumanis di negeri ini diperhebatkan lagi menerusi pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di sini, hari ini.

Ia bersempena jualan mangga Harumanis yang akan bermula pada hari ini sehingga 30 Jun 2021 di mana industri tanaman mangga Harumanis ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman itu, malah ia juga memberi impak ekonomi terhadap industri agropelancongan dan hiliran negeri Perlis.

Menerusi pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian, Jabatan Pertanian telah menjalin hubungan strategik dengan beberapa syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, CityLink dan Line Clear.

Kaedah penghantaran mangga Harumanis telah ditambah baik melalui perbincangan bersama antara Jabatan Pertanian dengan syarikat penghantar bagi memastikan penghantaran mangga Harumanis lebih cepat supaya kualiti buah terjamin.

Antara penambahbaikan yang dibuat ialah penggunaan kotak tiga lapis yang lebih kukuh, penggunaan lori khas yang hanya mengangkut mangga Harumanis sahaja dan pusat pengumpulan khas untuk mangga Harumanis.

Melalui penambahbaikan ini, pihak syarikat memberi jaminan bahawa penghantaran mangga Harumanis akan sampai kepada pembeli tidak melebihi tiga hari selepas pesanan berjaya diterima. Dalam masa sama, jaringan pasaran akan menjadi lebih luas dan akan sampai kepada pembeli di Sabah dan Sarawak.

MAFI sentiasa menggalakkan pemasaran dalam talian atau e-commerce sebagai alternatif kepada kaedah konvensional. Jabatan dan agensi seperti DOA, FAMA, LKIM, LPP telah memainkan peranan yang proaktif dengan menjalinkan hubungan dan kerjasama yang lebih erat dengan pemain industri untuk meningkatkan kebolehpasaran hasil pertanian bagi pasaran domestik seterusnya ke pasaran antarabangsa.

Pada masa yang sama, MAFI juga akan terus menggiatkan kerjasama dengan semua pemain industri dalam merancang lagi pemasaran, sekaligus meningkatkan pendapatan warga tani. Selain itu, FAMA, Nekmat dan LPP juga telah memperkasakan platform pemasaran sendiri iaitu Agrobazaar Online (ABO), NEKMATBiz, dan e-Ladang.

Ronald berkata pada tahun ini, Jabatan Pertanian Negeri Perlis menyasarkan pengeluaran sebanyak 3,336 metrik tan mangga Harumanis dengan nilai RM66.7 juta yang dapat memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha tanaman mangga Harumanis di seluruh negeri Perlis.

Tambah beliau lagi, promosi Harumanis Kembali Lagi pada tahun ini di mana, jualan Harumanis akan bermula mulai hari ini iaitu 11 April hingga 30 Jun 2021 di mana orang ramai mesti mengambil peluang ini untuk menikmati kelazatan Harumanis Perlis.

Jabatan Pertanian juga giat mempromosikan pensijilan myGAP dalam memastikan amalan pertanian adalah mesra alam, mampan dan hasil-hasil produk pertanian adalah berkualiti.

Jelas Ronald ini merupakan satu usaha yang baik oleh Jabatan Pertanian dalam mengiktiraf ladang Harumanis yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practices*. Malah, peluang pasaran juga lebih luas dengan harga yang lebih tinggi dan premium. Pengeluaran hasil ladang juga lebih lestari dan produktif dalam tempoh masa yang panjang kerana tanah serta kawasan pengeluaran dipelihara dengan baik.

Sehingga tahun 2020, 111 ladang tanaman mangga Harumanis telah berjaya mendapat pensijilan myGAP dan pada tahun ini, Jabatan Pertanian Negeri Perlis menyasarkan 84 ladang lagi akan mendapat pensijilan yang sama.

Sebagai usaha pengembangan, Ronald berkata Jabatan Pertanian juga telah memperkenalkan kaedah peningkatan pengurusan melalui kod keselamatan, QR kod, roda harumanis, kod warna pada pembalut, gelang penyukat dan brix meter (penyukat kemanisan).

Beliau berkata, usaha-usaha berterusan juga di ambil bagi membolehkan Harumanis dieksport secara agresif ke negara-negara luar.

Beliau turut memberitahu pengguna boleh mendapatkan maklumat ketulenan Mangga Harumanis daripada Jabatan Pertanian yang terdekat, atau Facebook Jabatan Pertanian atau Laman Web Jabatan Pertanian.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Pertanian Malaysia**

**Tele : 013-528 4007 (Hasmiza) / 014-320 2362 (Fiza)**

**E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)**